

Gesa JPS dalamkan parit utama

SABAK BERNAM – Kira-kira 100 pengusaha tanaman kelapa sawit di Kampung Tebuk Berihun di sini, menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendalamkan sistem perparitan utama di kampung itu bagi melancarkan pengaliran air dari tali air terus ke kawasan parit berhampiran kebun penduduk.

Seorang pengusaha, Khairi Abd Samad, 46, berkata, masalah air tidak sampai ke parit utama itu membelenggu pengusaha tanaman komoditi itu sejak lebih empat tahun lalu meskipun JPS menjalankan kerja menggali parit setahun sekali.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan pengeluaran hasil sawit penduduk merosot akibat kekurangan air yang diserap bawah tanah akibat ketiadaan air parit yang mencukupi bagi menampung keperluan pokok sawit.

“Musim panas ini, pokok kelapa sawit akan serap air dari parit berhampiran, tapi sebabkan air parit tak ada, tandan jadi lebih ringan dan kurang berkualiti,” katanya.

Khairi yang mengusahakan tanaman itu sejak lebih 20 tahun lalu berkata, keadaan itu sudah tentu menjejaskan hasil pengeluaran sawit penduduk di situ berbanding di kawasan lain yang mempunyai sistem perparitan lebih sistematik dan terancang.

“Harga semasa sektor ini merosot. Kami terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah kalau JPS tak dalamkan sistem parit sedia ada bagi tujuan kemudahan kepada petani selain untuk meningkatkan kualiti tandan,” katanya.



Pengusaha kelapa sawit menunjukkan ketiadaan air di parit berhampiran kebun mereka sehingga memberi kesan kepada tanaman itu.

Yusof baharudin, 56, pula berkata, selain kerja mendalam parit, JPS seharusnya membuka dua kunci tali air utama iaitu di Kampung Baru dan Kampung Tengah bagi memastikan parit utama di kampung itu menerima bekalan air mencukupi.

“Saya difahamkan JPS tak buka kunci air setiap kali air pasang sebab bimbang banjir, sedangkan parit di sini kering dan pokok kelapa sawit akan serap air dengan cepat berbanding tanaman lain,” katanya.

Penduduk, Hasnawi Arnain, 53, berkata, dia difahamkan parit utama di kampung itu tinggi kerana terletak di tengah-tengah antara Kampung Baru dan Kampung Tengah.

“Kami dah tak sanggup berdepan masalah ini setiap hari terutama dalam keadaan cuaca panas, sampai kami ter-

paksa ambil air dari rumah untuk meracun,” katanya.

Seorang pekerja mengambil upah meracun sawit, Sasi Manap, 47, berkata, kerja meracun memerlukan air yang banyak iaitu sekurang-kurangnya 135 liter air bagi tanaman seluas dua hektar.

Katanya, jika terdapat air berhampiran parit berdekatan, dia tidak perlu mengambil air dari rumah, sebaliknya menggunakan air parit sedia ada bagi kerja meracun rumput dan lalang yang tumbuh di kawasan penanaman.

“Kalau ada air di kebun kita tak akan caj, tapi sebabkan air tak ada, saya terpaksa kenakan caj RM1 bagi lima liter air sebab bekalan diambil terus dari rumah termasuk kos mengangkutnya menggunakan motosikal,” katanya.